

27 DEC 1996

Mahathir - Takziah

PERDANA MENTERI UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA MANGSA RIBUT

KUALA LUMPUR, 27 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa ribut Greg yang melanda pantai barat Sabah semalam.

Perdana Menteri berkata beliau amat terkejut dan sedih terhadap kehilangan lebih seratus nyawa serta kecederaan dan kerosakan harta benda akibat ribut itu.

"Saya dan isteri mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan berharap mereka bersabar dan tabah dalam menghadapi tragedi ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan membantu mangsa-mangsa yang terlibat dan mengambil tindakan yang perlu.

"Kerajaan negeri Sabah dan agensi-agensi Persekutuan yang berkenaan telah diarah untuk memberi bantuan kepada mangsa bencana ini," kata Perdana Menteri.

Laporan awal menyebut lebih 100 orang terbunuh sementara lebih 100 lagi hilang dalam kejadian ribut yang paling buruk di negara.

Ribut itu melanda di beberapa kawasan di pantai barat negeri itu termasuk Keningau, Kota Kinabalu dan Papar yang mengakibatkan kerosakan harta benda yang banyak. -- BERNAMA

NHD FAZ